

LAPORAN PROGRAM JALINAN INTERAKTIF DAN LAWATAN KERJA MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY (MIDA) KE POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA (PMM)

1.0 PENDAHULUAN

Program Jalinan Interaktif dan Lawatan Kerja Pegawai MIDA ke Politeknik Merlimau telah diadakan pada 17 Disember 2013. Lawatan julung kalinya diadakan ini melibatkan 3 orang pegawai dari MIDA Kuala Lumpur dan seorang pegawai dari MIDA Melaka. Pn Manjit Kaur, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian R&D Dan Rekabentuk MIDA telah mengetuai lawatan tersebut. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk membolehkan pihak MIDA memahami dan juga mengumpul maklumat kepakaran dan kebolehan yang terdapat di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT) di dalam bidang R & D yang boleh diketengahkan kepada industri-industri di Malaysia. Selain itu juga tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan serta nasihat dan galakan kepada IPT tempatan untuk membangunkan syarikat-syarikat R & D dan seterusnya mendapatkan status R&D daripada MIDA. Pegawai-pegawai kanan PMM yang terlibat dalam sesi lawatan bersama MIDA terdiri dari Timbalan Pengarah Akademik yang mewakili Pengarah Politeknik Merlimau, Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi, Ketua Unit CISEC (Corporate Industrial Services & Employability Centre), Ketua-ketua Jabatan, Pegawai CISEC, Pegawai Paten & Komersial dan Pegawai Perhubungan Awam.





2.0 OBJEKTIF

- ✓ Semua pegawai kanan PMM yang terlibat di dalam program ini mendapat pengetahuan yang berfaedah tentang fungsi dan peranan MIDA.
- ✓ Mengetahui lebih lanjut tentang fungsi dan tugas bahagian R & D dan Rekabentuk MIDA
- ✓ Melihat peranan-peranan agensi yang terdapat di dalam MITI
- ✓ Memberi pengetahuan tentang peranan IPT seperti PMM di dalam 12 National Key Economics Area (NKEAs)
- ✓ Melihat strategik yang ditawarkan oleh MIDA dalam R&D seperti aktiviti-aktiviti R&D, Dana dan Kolaborasi.
- ✓ Melihat ruang dan peluang di dalam insentif R & D yang ditawarkan oleh MIDA kepada IPT seperti penubuhan Pusat Pembangunan & Penyelidikan (R&D), Syarikat R&D dan Penyelidikan ‘in-house’.

3.0 HASIL YANG DIPEROLEHI DARI LAWATAN

- Lawatan Jalinan Interaktif dan kerja ini adalah usaha MIDA untuk memberi pendedahan kepada IPT-IPT tempatan yang terpilih untuk melihat ruang dan peluang yang ditawarkan oleh pihak MIDA terutama sekali di bahagian R &D. Lawatan kerja ini melibatkan sesi taklimat dua hala dan perbincangan mengenai bahagian-bahagian dan peranan R & D di PMM dan di MIDA.
- Selain mengeratkan hubungan kerjasama antara MIDA dan PMM, lawatan kerja ini juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada program kerjasama dan pertukaran pandangan tentang R & D melalui sesi perbincangan dan soal jawab
- Penerangan dari Timbalan Pengarah Kanan MIDA, Pn Manjit Kaur juga telah memberi pengetahuan dan info baru kepada pegawai-pegawai PMM tentang MIDA fungsi dan perkhidmatan yang diberikan. Penerangan tersebut di harap dapat membantu pegawai PMM dalam memperkemaskan pentadbiran dan pengurusan R&D di jabatan masing-masing dengan lebih baik.
- Penerangan dari MIDA juga telah membuka mata dan minda PMM mengenai fungsi dan peluang peluang dana yang boleh diperolehi dari kerajaan untuk R&D seperti dari MOSTI, CRADLE dan sebagainya.
- Pihak MIDA juga telah menyarankan supaya PMM menubuhkan Pusat R &D dan mendapatkan pengikrifannya dari Kementerian Kewangan (MOF), kerana dengan adanya Pusat R & D ini penyaluran dan pengurusan dana dari Kerajaan dan industri dapat dilakukan dengan lebih mudah.
Seperti lazimnya dalam lawatan jalinan interaktif dan kerja ini, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan, menjalinkan persahabatan dan merancang kerjasama berterusan untuk membawa kedua-dua pihak kepada tahap yang lebih baik pada masa-masa akan datang.
- Pihak MIDA juga menyarankan agar Jabatan Pelancongan & Hospitaliti dapat membuat hubungan kerjasama dengan MIDA Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka, ini adalah kerana Negeri Melaka adalah negeri Pelancongan. Kepakaran yang ada di JPH boleh dimanfaatkan oleh Kerajaan Negeri Melaka.
- Hasil daripada lawatan ini juga p i h a k M I D A telah dapat melihat dan didedahkan kepada kesediaan dan kepakaran yang berkaitan perancangan dan pengurusan serta pembangunan R&D yang diamalkan di PMM dan kekangan yang dihadapi.
- Selain itu, delegasi MIDA ini juga telah dibawa ke Restoren Kristal untuk melihat praktikal ‘Commercial

Restaurant' yang dijalankan oleh pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Katering serta menikmati jamuan tengahari di sana.

12 NKEAs


represent economic sectors that will drive the highest possible income over the next ten years



SCOPE OF THE FUND



MIDA - R & D And Design Collaboration.



4.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, lawatan ini telah dapat membuka mata dan minda pegawai-pegawai PMM tentang fungsi MIDA dan bagaimana sesebuah IPT seperti PMM harus merancang, membangun dan mengurus modal insan dan juga R&D yang seiring dengan fungsi dan peranan kolaborasi MIDA. Ini bagi memastikan PMM akan menjadi sebuah IPT yang terkehadapan seiring dengan hasrat pengarah PMM untuk menjadikan PMM sebagai Politeknik Premier yang bukan sahaja dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan dari dalam atau luar university malah juga cemerlang dalam bidang Penyelidikan, Inovasi, Sukan dan Ko-kurikulum.